


Kekosongan jawatan wajib diiklan mulai 1 November

Pengiklanan di MYFutureJobs bagi ambil semula pekerja asing, expatriat

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pengiklanan kekosongan jawatan di portal MYFutureJobs wajib dibuat bagi sebarang pengambilan semula pekerja asing dan pegawai dagang (expatriat), berkuat kuasa 1 November ini.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan, ketika mengumumkan perkara itu, berkata pengiklanan kekosongan jawatan di portal pekerjaan nasional itu perlu dilakukan untuk tempoh tidak kurang daripada 14 hari, bagi program pengambilan semula pekerja asing.



Mana-mana majikan dan pekerja yang menggunakan JobsMalaysia akan beralih ke portal MYFutureJobs.

Katanya, langkah sama wajar dibuat dalam tempoh tidak kurang daripada 30 hari bagi sebarang permohonan pegawai dagang.

"Ini akan disusuli sesi temu duga calon bersama wakil majikan dan agensi Kementerian Sumber Manusia, iaitu Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

"Maklumat seperti nama jawatan, gaji ditawarkan, kelayakan akademik atau kemahiran dan kompetensi yang diperlukan

wajib dipaparkan di MYFutureJobs.

"Pada masa sama, majikan dikehendaki mendaftar dan membuat permohonan melalui Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAX) sebagai syarat pematuhan kepada undang-undang perburuhan bagi penggajian pekerja bukan warganegara," katanya dalam kenyataan, semalam.

Mulai 1 November ini, Saravanan berkata, mana-mana majikan dan pekerja yang meng-

gunakan JobsMalaysia akan beralih ke portal MYFutureJobs.

Beliau berkata, ia bertujuan untuk menjadikan MYFutureJobs sebagai platform tunggal bagi Kementerian Sumber Manusia memantau padanan pekerjaan yang membabitkan rakyat tempatan.

"Ia juga untuk memastikan peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia diberi keutamaan. Permohonan pekerja asing atau pegawai dagang hanya akan dipertimbangkan sekiranya tiada rakyat Malaysia yang berminat memohon jawatan berkenaan.

"Sehubungan itu, saya meminta supaya Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) PERKESO membantu pihak majikan mengatur sesi temu duga di premis majikan atau mana-mana lokasi yang dipersetujui.

"PERKESO juga hendaklah menghebahkan kekosongan jawatan, terutama bagi kekosongan pegawai dagang kepada semua rakyat Malaysia melalui



Maklumat seperti nama jawatan, gaji ditawarkan, kelayakan akademik atau kemahiran dan kompetensi yang diperlukan wajib dipaparkan di MYFutureJobs.

M Saravanan,
Menteri Sumber Manusia

pelbagai saluran media.

"Bagi sebarang pertanyaan berkenaan perkhidmatan pekerjaan dan portal MYFutureJobs, sila hubungi PERKESO di talian 03-8091 5300," katanya.